

Taktik kotor, cara samseng ketika berkempen di Lunas bah

PM: Pembangkang mela

UM 2 - DEC 2000

Oleh ZULKIFLI JALIL, MARHAINI
KAMARUDDIN dan ROSNI HASSAN

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bimbang taktik kotor dan cara samseng yang dipraktikkan parti pembangkang sepanjang kempen pilihan raya kecil Lunas akan menjadi amalan berterusan sehingga mengakibatkan negara tidak aman dan berpecah-belah.

Perdana Menteri berkata, taktik pembangkang memainkan sentimen perkauman dan agama sehingga tahap melampau dan menakut-nakutkan pengundi termasuk kaum wanita demi meraih undi membuktikan penipuan parti yang kononnya berazam mahu mendirikan sebuah kerajaan yang adil.

Sepatutnya, tegas beliau, pembangkang menghadapi pilihan raya kecil itu secara tenteram dengan cara memberi alasan mengapa rakyat perlu menyokong mereka.

● Hanya ekstremis Cina dikritik — Muka 2

“Pembangkang menggunakan isu agama dengan mengeluarkan (sebak) surat kononnya kadi kata orang Islam tidak boleh undi bukan Islam sedangkan mereka adalah orang yang mengundi bukan Islam pada pilihan raya lepas (1999).

“Mereka juga menyebarkan gambar calon Barisan Nasional (BN), S. Anthony-samy berpakaian paderi sedangkan kita tahu dengan teknologi baru, kita boleh letakkan kepala sesiapa kepada badan orang lain.

“Jadi, inilah sebab sebahagian kita kalah di Lunas. Inilah penipuan sebuah parti yang berazam kononnya nak dirikan kerajaan yang adil. Rakyat patut diberitahu tentang penipuan ini,” kata Dr. Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di ibu pejabat parti di sini.

Mesyuarat selama tiga setengah jam itu membincangkan dengan panjang lebar punca kekalahan BN di Lunas, Rabu lalu.

Dalam pilihan raya itu, Anthonysamy tewas kepada Saifuddin Nasution Ismail dari Parti Keadilan Nasional dengan 530 undi.

Anthonysamy memperoleh 9,981 undi berbanding 10,511 undi yang diraih oleh Saifuddin. Calon bebas, N. Letchumanan

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM: Pembangkang melampau

pula hanya mendapat 50 undi.

Menurut Dr. Mahathir, BN menyedari taktik kotor pembangkang apabila mereka membawa masuk banyak penyokong luar ke Lunas, dengan seramai 120,000 orang berada di situ pada malam selepas pengundian.

Pada waktu lain pula kurang sedikit daripada 100,000 orang.

“Ini bermakna, mereka membawa orang luar dan tahu sama ada (diri mereka) terlibat sebagai pengundi hantu,” katanya.

Sebaliknya, kata beliau, pembangkang menahan pula penyokong BN dalam 12 buah bas yang kedatangan mereka hanya bagi membantu pekerja BN.

“Bas yang membawa penyokong kita telah ditahan dan kad pengenalan mereka dirampas. Ini bercanggah dengan undang-undang dan kita akan kaji sama ada boleh diambil tindakan undang-undang atau tidak,” katanya.

Selain itu, kata Dr. Mahathir, penyokong pembangkang turut membawa sepanduk dalam bahasa Cina bertulis “*bahasa jiwa bangsa*” yang bermakna mereka menyokong penggunaan bahasa Cina kerana ia sebahagian jiwa kaum itu.

“Tetapi, mereka tidak bawa terjemahan itu kepada orang Melayu. dan berkata, bahasa Cina juga sama dengan bahasa Melayu,” katanya.

Katanya, taktik kotor lain yang digunakan pembangkang ialah menyebarkan surat beliau kepada (Perdana Menteri pertama) Almarhum Tunku Abdul Rahman.

“Sedangkan, apa yang dibuat oleh pemimpin agung mereka, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada Tunku, mereka tak cerita. Sepatutnya, cerita samalah,” katanya.

“Selain itu, dakwa saya bawa Yahudi ke Malaysia. Yang saya tahu Yahudi dibawa oleh Anwar... Wiliam Cohen (Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat) dan beberapa orang yang dibawa masuk,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, pembangkang akan mendakwa kerajaan zalim jika tindakan undang-undang diambil terhadap mereka.

“Mereka akan merayu kepada penyokong luar negara dan media asing kerana tindakan itu.

“Tetapi kita tidak buat begitu,” katanya.

Menurutnya, UMNO telah membuat “post-mortem” kekalahan BN di Lunas dan parti komponen itu telah menentukan cara-cara mahu memulihkan pengaruhnya, bukan sahaja di Lunas tetapi juga tempat lain.

Menurutnya, walaupun BN tewas di Lunas, jumlah undi yang diperolehnya itu lebih tinggi daripada kemenangan yang dicapai pada pilihan raya umum lalu.

“Saya harap rakyat patut diberitahu oleh akhbar tentang cara penipuan pembangkang ini. Tidak lama lagi, mungkin bubuh kepala saya dan badan saya bogel. Sekarang dengan komputer boleh cipta macam-macam.

“Jadi, orang kampung mungkin tak tahu. Inilah penipuan dan semuanya penipu belaka yang dibuat parti lawan.

“Malang sekali, pengundi nampak terpengaruh juga,” katanya.